



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604, Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

(UNIT HAL EHWAL MURID)
NO.TEL : 07-2311491 NO.FAX : 07-2384788

Telefon	: 07-231 0000
Pengarah	: 07-231 0198
Timbalan	: 07-231 0191
Faks	: 07-234 7132
Laman Web	: www.jpnjohor.moe.gov.my
E-mel	: jpn.johor@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNJ.600-11/1/4 (3)

Tarikh : **25** Mei 2023

Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-sekolah Negeri Johor.

Melalui dan Salinan:
Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor

Tuan,

PROGRAM SKIM LENCANA ANTIDADAH (SLAD-J) NEGERI JOHOR 2023

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Skim Lencana Antidadah (SLAD-J) adalah satu usaha terancang untuk melibatkan murid-murid yang menganggotai persatuan berpakaian seragam di sekolah untuk terlibat dalam aktiviti pendidikan pencegahan dadah di sekolah. Justeru itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor mengambil inisiatif membugarkan kembali program SLAD ini dengan mengadakan Program Skim Lencana Antidadah (SLAD-J) bagi sekolah rendah dan sekolah menengah peringkat negeri Johor secara dalam talian.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami berbesar hati mempersilakan setiap sekolah menghantar peserta dalam kalangan pemimpin unit beruniform serta seorang guru pembimbing bagi menyertai program tersebut. Bersama ini dilampirkan maklumat dan tentatif berkaitan program ini.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Afifah binti Hassan Al Ashari, Penolong Pengarah Hal Ehwat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor di talian 07-2311491. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MD SAID BIN MD DAIMON)
Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

LAMPIRAN A

KRITERIA PEMILIHAN MURID
PROGRAM SKIM LENCANA ANTIDADAH (SLAD-J) NEGERI JOHOR 2023

1. Setiap sekolah dibenarkan menghantar peserta mengikut ratio murid 1:500.
 - 1.1 Sekolah Menengah (SM) : Murid Tingkatan 4
 - 1.2 Sekolah Rendah (SR) : Murid Tahun 5 atau Tahun 6
2. Murid tersebut merupakan murid yang aktif dalam unit beruniform di sekolah.
3. Mempunyai daya kepimpinan dan kebolehan untuk berucap dalam perhimpunan sekolah.
4. Mempunyai pengetahuan asas dalam mengendalikan media sosial seperti *youtube, instagram, telegram* dan *whatsapp*.
5. Murid mempunyai kemampuan tinggi untuk menyelesaikan amali dan tugas yang diberikan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu bermula dari bulan Jun sehingga bulan November 2023.
6. Murid tersebut perlu melengkapkan tugas pada buku log SLAD-J dan memastikan setiap tugas direkodkan dalam buku log tersebut.

TUGAS GURU PEMBIMBING
PROGRAM SKIM LENCANA ANTIDADAH (SLAD-J) NEGERI JOHOR 2023

1. Memilih murid yang layak untuk menyertai program ini.
2. Membimbing dan membantu murid dalam menyiapkan tugas amali yang diberikan.
3. Memastikan murid melaksanakan tugas teori dan amali yang diberikan serta merekod setiap tugas tersebut dalam buku log murid.
4. Menghantar tugas kepada urusetia berdasarkan tarikh yang dinyatakan.
5. Memberikan penilaian sendiri diakhir buku log serta mencalonkan murid tersebut untuk menerima lencana dan sijil SLAD-J.

LAMPIRAN B**TENTATIF PELAKSANAAN PROGRAM SLAD-J**

BIL	TARIKH	ATURCARA	TINDAKAN
1	14 Jun 2023	Webinar Taklimat Pengurusan PPDa Tahun 2023	Penyelaras PPDa
2	14 – 22 Jun 2023	Pendaftaran murid pada <i>google form</i> dan menyertai kumpulan <i>telegram</i> program	Guru Pembimbing
3	26 Jun – 27 Julai 2023	Pelaksanaan Teori	Guru Pembimbing dan peserta
4	31 Julai – 3 Ogos 2023	Ujian Teori	Guru Pembimbing dan peserta
5	26 Jun - 12 Oktober 2023	Pelaksanaan Amali	Guru Pembimbing dan peserta
4	15 -19 Oktober 2023	Penghantaran Buku Log	Guru Pembimbing dan peserta
5	22 Oktober – 9 November 2023	Penilaian peringkat daerah	JU PPDa
6	12 -16 November 2023	Penilaian peringkat negeri	JU PPDa
7	November 2023	Keputusan Penganugerahan Skim Lencana Antidadah (SLAD-J) Negeri Johor 2023	JU PPDa

PAUTAN PENTING BERKAITAN PROGRAM

1. Telegram sekolah menengah SLAD-J Tahun 2023 :
<https://t.me/SLADJ2023>
2. Telegram sekolah rendah Tunas SLAD-J Tahun 2023
<https://t.me/TUNASSLADJ2023>